

APLIKASI “COMBO HAMZAH” DALAM MENGENAL DAN MEMBEZAKAN KEDUDUKAN HURUF HAMZAH (ء)

SYAZWANI BINTI SEBLI

wanisebli@gmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji aplikasi “Combo Hamzah” bagi membantu murid menyebut dan menyatakan enam kedudukan huruf hamzah serta meningkatkan kemahiran murid dalam membezakan kedudukan huruf hamzah bagi perkataan Jawi. Gabungan penggunaan simbol dan warna pada ‘Combo Hamzah’ mampu menarik minat murid terhadap pengajaran tajuk ‘Dimanakah Hamzah?’. Seramai empat orang murid Tahun 3, Sekolah Kebangsaan Bintang (bukan nama sebenar), Kuching dan seorang guru terlibat dalam kajian ini. Tinjauan awal telah dilaksanakan melalui sesi soal jawab dan lembaran kerja berkenaan nama kedudukan huruf hamzah dan pengkelasan kedudukan huruf hamzah mengikut kategori. Hasil tinjauan menunjukkan murid tidak boleh menyebut nama kedudukan huruf hamzah dan tidak boleh membezakan kedudukan huruf hamzah dalam sesuatu perkataan walaupun tajuk tersebut telah dipelajari pada pelajaran lepas. Murid turut beranggapan bahawa kedudukan huruf hamzah dalam sesuatu perkataan hanya melibatkan satu kaedah sahaja. Data dikumpul melalui soal selidik, latihan pengukuhan, ujian lisan, ujian sebelum tindakan dan ujian selepas tindakan, temu bual dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan purata peratusan skor ujian sebelum tindakan meningkat sebanyak 60.5% iaitu daripada 39.5% kepada 100% dalam ujian selepas tindakan. Peningkatan ini menunjukkan bahawa aplikasi ‘Combo Hamzah’ dapat menambah baik amalan pengajaran saya. Saya akan melanjutkan kajian ini dengan menerapkan unsur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) sesuai dengan perubahan semasa.

Kata Kunci: *Jawi, Kedudukan huruf hamzah, Dadu hamzah, Papan hamzah, Permainan jawi.*

PENGENALAN

Saya merupakan guru pelatih bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pengajian Agama Ambilan Jun 2014 di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGKBL) Kuching, Sarawak. Saya pernah menjalani sesi praktikum fasa satu dan fasa dua di mana setiap fasa praktikum adalah selama tiga bulan. Masalah ketara yang saya hadapi semasa menjalani kedua-dua fasa praktikum tersebut adalah murid-murid menganggap bahawa penulisan kedudukan huruf hamzah dalam sesuatu perkataan hanya melibatkan satu kaedah. Meskipun beberapa lembaran kerja telah saya berikan, namun murid-murid selalu keliru semasa membuat latihan dan seringkali tidak dapat menjawab latihan yang diberikan oleh guru dengan alasan latihan yang diberikan terlalu susah. Bertitik-tolak daripada itu, Mustapha Yazid (1995), menyatakan bahawa 95% murid mempunyai pandangan negatif terhadap penulisan Jawi seperti susah dipelajari, tidak penting, dan tidak dinilai di dalam peperiksaan. Perkara ini mungkin menjadi salah satu faktor murid tidak menguasai pelajaran Jawi. Masalah yang dihadapi oleh murid-murid menarik perhatian saya dan mendorong saya untuk mengkaji tindakan yang boleh mengelakkan kesilapan dalam penulisan kedudukan huruf hamzah daripada terus berlaku dalam kalangan murid-murid.

FOKUS KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berfokus kepada mengenal kedudukan huruf Hamzah dalam perkataan. Murid lemah dalam kemahiran menulis huruf Hamzah dan menyebabkan murid tidak dapat menjawab dengan baik dalam latihan yang diberikan. Hal ini berdasarkan pemerhatian di mana murid tidak dapat menjawab soalan guru apabila ditanya mengenai dimanakah kedudukan huruf Hamzah dalam sesuatu perkataan yang diberikan. Ketiadaan pemahaman murid dalam memahami kedudukan huruf Hamzah dan membezakan setiap kedudukan tersebut menjadi faktor utama dalam masalah penulisan huruf Hamzah. Oleh itu, saya telah membina “Combo Hamzah” bagi membantu mengatasi masalah murid dalam memahami dan menyebut nama bagi kedudukan huruf Hamzah dalam sesuatu perkataan. Penggunaan “Combo Hamzah” yang digarapkan dengan pelbagai rangsangan diharapkan dapat menarik minat murid terhadap aktiviti yang dijalankan bagi membantu murid mengenal dan membezakan enam kedudukan huruf hamzah. Demi memastikan kejayaan dalam penyelidikan tindakan yang akan dilaksanakan, saya telah menitikberatkan beberapa aspek seperti kebolegunaan, kawalan, kolaborasi dan kerelevanan.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

- 1) Membantu murid menyebut dan menyatakan nama enam kedudukan huruf hamzah dalam perkataan berdasarkan simbol pada ‘Combo Hamzah’.
- 2) Meningkatkan kemahiran murid dalam membezakan kedudukan huruf hamzah dengan menggunakan ‘Combo Hamzah’.

Persoalan Kajian

- 1) Adakah penggunaan simbol pada ‘Combo Hamzah’ dapat membantu murid menyebut dan menyatakan nama bagi kedudukan huruf Hamzah?
- 2) Bagaimanakah ‘Combo Hamzah’ dapat meningkatkan kemahiran murid dalam membezakan kedudukan huruf hamzah?

PESERTA KAJIAN

Saya telah menetapkan untuk melaksanakan kajian ini terhadap empat orang murid daripada kelas Tahun 3. Peserta kajian ini dipilih berdasarkan beberapa kriteria serta kelemahan mereka dalam topik kedudukan huruf hamzah yang dikenal pasti melalui latihan dan kuiz. Semua sampel ini merupakan murid yang berada pada tahap yang sederhana dalam pencapaian akademik. Jadual 1 di bawah menunjukkan sedikit butiran para peserta kajian:

Jadual 1

Ciri-ciri Peserta Kajian

Peserta Kajian	Kriteria			
	Membaca Jawi	Mengeja dan Menulis Jawi	Pencapaian Pendidikan Islam	Lain-lain
Murid A	Sangat Baik	Sangat Baik	Sangat Baik	Aktif di dalam kelas
Murid B	Sangat Baik	Sangat Baik	Sangat Baik	Cerdik tetapi pendiam
Murid C	Sederhana	Baik	Baik	Aktif dan kerap bermain
Murid D	Sederhana	Sederhana	Sederhana	Suka bertanya soalan

TINDAKAN YANG DIJALANKAN


Saya telah menjalankan kajian ini dengan mengaplikasikan Model Stephen Kemmis (1983). Model penyelidikan tindakan ini akan dilaksanakan secara berulang-ulang sehingga selesai sepenuhnya masalah yang dihadapi. Setiap perancangan akan disemak dan dikemas kini agar penyelesaian bagi sesuatu masalah dapat dilakukan dengan cara yang terbaik. Menurut Rosinah (2012), perancangan berkenaan dilaksanakan dan menentukan hasil yang diperoleh selepas memberikan tindakan atau intervensi. Jika hasilnya tidak baik, maka perancangan masalah tersebut memerlukan kepada penambahbaikan. Bagi kajian ini, saya telah menjalankan dua kitaran untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan dengan berkesan. Kitaran yang saya lakukan bertujuan menambah baik bahan inovasi bersesuaian dengan masalah yang dihadapi serta tahap dan minat murid. Sehubungan itu, kitaran pertama yang telah saya lakukan tidak mampu membantu murid dalam mengenal kedudukan huruf Hamzah meskipun telah saya nyatakan pada bahan intervensi tersebut. Oleh itu, saya telah melakukan penambahbaikan dari segi bahan kerana bahan yang telah digunakan hanya membantu murid-murid mencapai objektif kedua kajian.

Fasa Perancangan


Sebelum melaksanakan kajian, saya telah menyediakan satu jadual pelaksanaan bagi memudahkan proses pelaksanaan kajian tindakan. Menurut Rosinah (2012), perancangan tindakan yang teliti serta teratur seperti pembinaan jadual amat diperlukan bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai. Jadual tersebut merangkumi tarikh dan perkara yang perlu dilakukan sepanjang tempoh pelaksanaan kajian. Saya juga memastikan perkara-perkara seperti penyediaan borang kebenaran sampel, borang soal selidik dan borang maklum balas disediakan semasa proses merancang ini bagi melancarkan tindakan yang akan dijalankan.

Fasa Tindakan

Saya telah membina “Combo Hamzah” yang terdiri daripada Dadu Hamzah dan Papan Hamzah yang mengandungi beberapa fungsi seperti dalam Rajah 1 dan Rajah 2.



Rajah 1. Fungsi yang terdapat pada Dadu Hamzah



Rajah 2. Fungsi yang terdapat pada Papan Hamzah

Penerapan teori simbol dan warna serta konsep belajar sambil bermain pada “Combo Hamzah” bertujuan membantu murid-murid mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Hal ini kerana setiap kedudukan huruf Hamzah pada permukaan Dadu Hamzah mempunyai fungsi dan contoh yang tersendiri. Murid-murid akan diuji dengan aktiviti uji minda dengan permainan seperti kotak beracun. Aktiviti ini saya jalankan dengan memasang sebuah lagu dan murid-murid diminta menggerakkan Dadu Hamzah kepada rakan di sebelah sehingga lagu dihentikan. Murid terakhir yang memegang Dadu Hamzah diminta untuk membalik Dadu Hamzah dan menyebut nama kedudukan huruf Hamzah yang diperolehi. Sepanjang mempraktikkan peserta kajian dengan permainan uji minda dengan Dadu Hamzah, saya telah menjalankan pemerhatian dan Ujian Penilaian. Pada akhir kajian pula, saya menjalankan Ujian Lisan dan Ujian Bertulis sekali lagi. untuk melihat pencapaian akhir peserta kajian dan bagi tujuan penganalisan data.

Fasa Pemerhatian

Saya telah melakukan pengumpulan data melalui pemerhatian, soal jawab dan penelitian dokumen peserta kajian. Data-data ini dikumpul bagi membantu saya dalam membuat pengesahan kepada refleksi pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan. Berdasarkan pemerhatian saya semasa aktiviti ini dijalankan, murid kelihatan amat seronok dan meminta agar permainan tersebut dijalankan lebih lama. Aktiviti ini secara tidak langsung mengukuhkan pemahaman dan penguasaan murid terhadap kajian yang dijalankan. Pemerhatian dan soal jawab kepada peserta kajian dilakukan semasa proses PdP dijalankan bagi melihat respon dan tahap pencapaian peserta kajian secara langsung. Penelitian dokumen pula dilakukan selepas proses PdP berlangsung di mana pemahaman peserta kajian diuji melalui latihan.

Fasa Refleksi

Apabila selesai proses pengumpulan data, saya telah melakukan refleksi secara keseluruhan sepanjang pelaksanaan kajian dijalankan. Saya mendapati bahawa penggunaan ‘Combo Hamzah’ ini amat membantu murid dalam menguasai tajuk ‘Dimanakah Hamzah?’ serta berjaya menarik minat murid untuk mengetahui kedudukan huruf Hamzah dengan lebih mendalam.

DAPATAN KAJIAN

Penggunaan “*Combo Hamzah*” membantu murid menyebut dan menyatakan nama bagi enam kedudukan huruf Hamzah dalam perkataan. Dapatan kajian analisis dokumen ujian penilaian, Ujian Sebelum Tindakan dan Ujian Selepas Tindakan secara Bertulis serta Ujian Sebelum Tindakan dan Ujian Selepas Tindakan secara Lisan menunjukkan bahawa aplikasi “*Combo Hamzah*” dalam pengajaran tajuk kedudukan huruf Hamzah berjaya meningkatkan kefahaman murid mengenai nama bagi kedudukan huruf Hamzah.

1) Analisis Dokumen (Ujian Penilaian)

Saya telah menjalankan Ujian Penilaian sebanyak dua kali secara berperingkat bagi melihat perkembangan peserta kajian terhadap topik kedudukan huruf Hamzah dari semasa ke semasa. Ujian Penilaian 1 dijalankan pada 15 Ogos 2017 iaitu sebelum penggunaan “*Combo Hamzah*” manakala Ujian Penilaian 2 pula dijalankan setelah penggunaan “*Combo Hamzah*”.

Jadual 2

Markah Murid dalam Ujian Penilaian 1 dan Ujian Penilaian 2

PESERTA KAJIAN	MARKAH MURID (%)			Purata Peratusan Peningkatan
	15 Ogos 2017	22 Ogos 2017	Peratus Peningkatan	
Murid A	33	100	67	54.25
Murid B	17	83	66	
Murid C	33	67	34	
Murid D	50	100	50	

Berdasarkan Jadual 2, jelas menunjukkan bahawa perkembangan peserta kajian dapat dilihat semasa kajian dijalankan. Peserta kajian pada mulanya tidak berjaya menjawab soalan yang diberikan dan masih ada yang hanya meneka jawapan. Namun demikian, mereka berjaya menjawab soalan latihan setelah penggunaan “*Combo Hamzah*” dalam PdP dijalankan. Peningkatan keempat-empat peserta kajian akhirnya membawa kepada purata peratusan peningkatan sebanyak 54.25%. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan “*Combo Hamzah*” amat membantu murid dalam menyatakan nama bagi enam kedudukan huruf Hamzah.

2) Analisis Dokumen (Ujian Sebelum Tindakan dan Ujian Selepas Tindakan secara Bertulis)

Bentuk soalan Ujian Penilaian dengan ujian ini adalah berbeza agar peserta kajian boleh menjawab pelbagai jenis bentuk soalan berkaitan kedudukan huruf Hamzah. Ujian bertulis yang telah saya jalankan merangkumi dua jenis soalan. Bagi menjawab persoalan kajian pertama, saya telah menganalisis keputusan bagi Soalan 1 sesuai dengan objektif pertama kajian. Peserta kajian diminta menyatakan nama bagi enam kedudukan huruf hamzah. Markah penuh bagi setiap soalan ujian adalah enam markah disebabkan kedudukan huruf Hamzah terdiri daripada enam tempat.

Jadual 3

Keputusan Ujian Bertulis Sebelum Tindakan dan Ujian Bertulis Selepas Tindakan bagi Soalan 1

PESERTA KAJIAN	SOALAN 1					
	UJIAN SEBELUM TINDAKAN (14 Ogos 2017)		UJIAN SELEPAS TINDAKAN (25 Ogos 2017)		PERATUS PENINGKATAN (%)	PURATA PERATUS PENINGKATAN (%)
	Skor (x/6)	Markah (%)	Skor (x/6)	Markah (%)		
Murid A	3	50	6	100	50	58.5
Murid B	2	33	6	100	67	
Murid C	2	33	6	100	67	
Murid D	3	50	6	100	50	

Berdasarkan Jadual 3 di atas, dapat dilihat bahawa keempat-empat peserta kajian berjaya menunjukkan peningkatan dalam Ujian Bertulis Selepas Tindakan bagi Soalan 1. Purata peratus peningkatan yang telah dihasilkan oleh peserta kajian bagi Soalan 1 adalah sebanyak 58.5%. Data ini secara tidak langsung membuktikan bahawa penggunaan simbol pada “Combo Hamzah” amat membantu murid untuk menyatakan kedudukan huruf Hamzah dalam perkataan.

3) Analisis Dokumen (Ujian Sebelum Tindakan dan Ujian Selepas Tindakan secara Lisan)

Tujuan ujian lisan ini dijalankan adalah untuk melihat secara langsung respon murid terhadap soalan yang diajukan mengenai kajian ini. Satu borang senarai semak telah saya sediakan bagi melihat pencapaian murid sebelum dan selepas tindakan dijalankan.

Jadual 4

Keputusan Senarai Semak Ujian Lisan Sebelum Tindakan dan Ujian Lisan Selepas Tindakan

Bil	ITEM SOALAN	PESERTA KAJIAN							
		Murid A		Murid B		Murid C		Murid D	
		SB	SL	SB	SL	SB	SL	SB	SL
1	Murid dapat menyebut nama kedudukan huruf Hamzah berumah dengan betul.	/	/	X	/	X	/	/	/
2	Murid menunjukkan kedudukan huruf Hamzah setara dengan betul.	X	/	X	/	X	/	X	/
3	Murid dapat menyenaraikan tiga nama kedudukan huruf Hamzah dengan betul.	X	/	X	/	X	/	X	/
4	Murid dapat menyebut satu contoh perkataan yang mengandungi kedudukan huruf Hamzah di bawah Alif.	X	/	X	/	X	/	X	/
5	Murid dapat menjelaskan perbezaan antara dua kedudukan huruf Hamzah $\frac{3}{4}$ dalam sesuatu perkataan.	X	/	X	/	X	/	X	/

Merujuk kepada Jadual 3, penguasaan semua peserta kajian terhadap topik kedudukan huruf Hamzah pada awalnya amat lemah. Hanya dua orang sahaja peserta kajian yang berjaya menjawab item soalan pertama sebelum tindakan. Soalan kedua hingga soalan kelima tidak dapat dijawab oleh kesemua peserta kajian manakala keputusan peserta kajian pada Ujian Lisan Selepas Tindakan adalah amat baik di mana kesemua peserta kajian berjaya menjawab 100% dengan betul dan menghasilkan purata peratusan peningkatan sebanyak 90%. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan “Combo Hamzah” telah berjaya membantu murid menyebut nama bagi enam kedudukan huruf hamzah.

Penggunaan “Combo Hamzah” membantu murid meningkatkan kemahiran murid dalam membezakan kedudukan huruf Hamzah. Dapatan kajian analisis dokumen Ujian Bertulis Sebelum Tindakan dan Ujian Bertulis Selepas Tindakan, borang maklum balas dan transkrip temu bual menunjukkan bahawa penggunaan “Combo Hamzah” memudahkan murid dalam membezakan keenam-enam kedudukan huruf Hamzah dalam sesuatu perkataan. Justeru, sebelum mengemukakan dapatan bagi persoalan kajian kedua, saya akan menyatakan analisis dokumen bagi ujian bertulis yang dijalankan sebelum dan selepas tindakan sebagai bukti bahawa murid telah berjaya membezakan kedudukan huruf hamzah dalam sesuatu perkataan.

1. Analisis Dokumen (Ujian Bertulis Sebelum Tindakan dan Ujian Bertulis Selepas Tindakan)

Markah peserta kajian turut mengalami perubahan yang amat ketara. Jadual 5 menunjukkan perbandingan markah peserta kajian.

Jadual 5

Keputusan Ujian Bertulis Sebelum Tindakan dan Ujian Bertulis Selepas Tindakan bagi Soalan 2

PESERTA KAJIAN	MARKAH MURID (%)			
	15 Ogos 2017	22 Ogos 2017	Peratus Peningkatan	Purata Peratusan Peningkatan
Murid A	50	100	50	62.75
Murid B	33	100	67	
Murid C	33	100	67	
Murid D	33	100	67	

Jadual 12 jelas menunjukkan peningkatan yang drastik terhadap keempat-empat peserta kajian di mana semua berjaya mendapat markah 100% pada Ujian Selepas Tindakan. Hasil daripada peningkatan tersebut, purata peratusan keseluruhan bagi peserta kajian meningkat sebanyak 62.75%. Hal ini membuktikan bahawa semua peserta kajian dapat membezakan kedudukan huruf Hamzah dalam perkataan dengan menggunakan “Combo Hamzah”.

2. Analisis Dokumen (Borang Maklum Balas)

Terdapat lima item yang dinyatakan dalam Borang Maklum Balas tersebut di mana peserta kajian perlu menandakan (/) pada setiap item berdasarkan skala jawapan yang disediakan. Item yang difokuskan adalah murid menyatakan bahawa mereka lebih mudah memahami dan membezakan kedudukan huruf hamzah dengan menggunakan “Combo Hamzah” berbanding pengajaran menggunakan papan tulis. Kesemua peserta kajian memberikan maklum balas ‘Sangat Setuju’ dan perkara ini jelas membuktikan bahawa penggunaan simbol pada “Combo Hamzah” dapat meningkatkan kemahiran murid dalam membezakan kedudukan huruf Hamzah.

3. Analisis Transkrip Temu Bual

Guru Pembimbing

Hasil analisis temu bual ini menunjukkan bahawa terdapat perkembangan yang positif daripada kajian tindakan yang dijalankan. Temu bual ini telah dilakukan

selepas selesai perjumpaan akhir bersama peserta kajian. Rajah 4 menunjukkan transkrip temu bual bersama guru pembimbing pada 8 September 2017.

Saya : Apakah pendapat Kak Zun tentang kajian 'Combo Hamzah' saya ini, adakah ianya dapat membantu murid membezakan kedudukan huruf hamzah

Ustazah Zun: Kakak lihat kaedah 'Combo Hamzah' awak sangat membantu murid-murid memahami tajuk ini lebih-lebih lagi apabila mereka dapat belajar dan bermain dengan Dadu Hamzah tu. Permukaan dadu, simbol dan warna yang berlainan sudah jelas membantu mereka dalam membezakan kedudukan huruf hamzah.

TB02/GP/08092017

Rajah 3. Transkrip Temu Bual Bersama Guru Pembimbing (Kak Zun)

Berdasarkan Rajah 3 di atas, terdapat beberapa isi utama yang membuktikan bahawa penggunaan "Combo Hamzah" dalam proses PdP dapat meningkatkan kemahiran murid dalam membezakan kedudukan huruf hamzah. Dadu Hamzah mempunyai keistimewaan di mana ianya boleh digunakan semasa proses pengajaran dan permainan bagi tujuan pengukuhan. Faktor permukaan dadu, simbol dan warna yang berlainan turut membantu murid-murid untuk membezakan kedudukan huruf hamzah. Perkara ini menyebabkan murid-murid suka menggunakan "Combo Hamzah".

Peserta Kajian

Bagi mengesahkan lagi pernyataan guru pembimbing mengenai sebab murid tertarik kepada "Combo Hamzah", saya telah melakukan temu bual bersama salah seorang peserta kajian pada 8 September 2017.

Saya :Awak suka ustazah mengajar tajuk ini dengan papan tulis atau dengan menggunakan Combo Hamzah?

Murid C :Mestilah saya suka ustazah mengajar menggunakan Combo Hamzah sebab kami boleh bermain. Sekiranya ustazah mengajar pada papan tulis sahaja kami bosan.

Saya :Mengapa awak suka belajar menggunakan Combo Hamzah?

Murid C :Saya suka sebab ia berwarna-warni, ustazah. Kemudian ia mempunyai simbol di bahagian atas memudahkan saya untuk menyebut nama bagi kedudukan huruf Hamzah dan membezakannya. Satu lagi sebab ianya besar, saya tidak pernah melihat dadu sebesar macam ini, ustazah.

TB/MURIDC/08092017

Rajah 4. Transkrip Temu Bual Bersama Peserta Kajian (Murid C)

Merujuk kepada Rajah 4, murid lebih suka belajar dengan menggunakan "Combo Hamzah" atas sebab yang sama seperti yang telah dinyatakan oleh guru pembimbing iaitu bermain. Murid tertarik kepada "Combo Hamzah" kerana ianya berwarna-warni dan disertakan dengan simbol yang dapat membantu mereka untuk menyebut nama bagi kedudukan huruf Hamzah seterusnya membezakan kedudukan huruf Hamzah dengan mudah. Bukan itu sahaja, saiz Dadu Hamzah yang besar turut menjadi faktor yang menyebabkan murid-murid berminat untuk bermain dadu tersebut. Hasil daripada dapatan temu bual ini jelas membuktikan bahawa penerapan simbol, warna, serta saiz dadu yang besar dan pembelajaran sambil bermain berjaya menarik minat murid-murid dan meningkatkan lagi kemahiran murid untuk membezakan kedudukan huruf Hamzah dalam sesuatu perkataan.

REFLEKSI

Menurut Chuah (2016), refleksi merujuk kepada aktiviti merumuskan dapatan kajian yang telah dijalankan dan dihuraikan dengan lebih mendalam. Refleksi sangat penting dalam apa jua yang kita lakukan sebagaimana dalam firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ^{١٨}

Maksudnya : "Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat), dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."

(Surah Al-Hasyr 59 : 18)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa betapa pentingnya muhasabah diri atas setiap perkara yang kita lakukan. Begitu juga dalam konteks sebagai guru kerana guru perlu melakukan amalan refleksi dalam pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan guru menilai keberkesanan dirinya sebagai guru dan kesannya terhadap murid-murid.

1. Refleksi Dapatan

Implikasi Terhadap Peserta Kajian

Penyelidikan tindakan yang telah dijalankan ini sememangnya memberikan kesan yang positif kepada peserta kajian dalam beberapa aspek seperti minat, kemahiran dan pencapaian murid. Jika sebelum ini peserta kajian tidak dapat mengenal nama bagi kedudukan huruf hamzah serta membezakan kedudukan huruf hamzah dalam sesuatu perkataan dengan baik, namun aplikasi "Combo Hamzah" dalam sesi pelajaran telah berjaya menarik minat seterusnya meningkatkan pemahaman peserta kajian bagi tajuk "Dimanakah Hamzah?". Teori simbol dan warna serta konsep belajar sambil bermain secara tidak langsung membantu peserta kajian memahami dan mempelajari maksud simbol dan warna yang digarapkan dalam "Combo Hamzah" seterusnya mengaplikasikan pembelajaran dalam bentuk permainan. Selari dengan pendapat Wood (2013) yang mengatakan bahawa kanak-kanak bukan sahaja bermain dengan bahan, mereka juga bermain dengan perasaan, maksud, idea dan hubungan, kemudian mengubah aspek-aspek ini melalui pemikiran dalam bentuk lukisan.

Implikasi Terhadap Kurikulum

Antara kandungan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) 2012 bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) adalah mengenal, membaca dan menulis perkataan yang mengandungi huruf hamzah. Bertitik-tolak daripada itu, penyelidikan ini menekankan penguasaan topik mengenal dan membezakan kedudukan huruf Hamzah dalam perkataan seterusnya membantu murid dalam kaedah penulisan huruf Hamzah sama ada di atas atau di bawah garisan mahupun pada kedudukan yang lain seperti kedudukan $\frac{3}{4}$ daripada garisan. Pembelajaran jawi melalui kaedah ini menjadikan sesi PdP lebih menyeronokkan dengan adanya aktiviti bermain dengan menggunakan Dadu Hamzah yang mampu mengukuhkan lagi pemahaman dan penguasaan murid terhadap tajuk yang difokuskan. Selari dengan pendapat Zuhaila (2015) yang menyatakan bahawa penggunaan bahan yang sesuai untuk kanak-kanak adalah penting kerana kesediaan murid bagi menerima

pembelajaran dapat ditingkatkan dengan penyediaan bahan yang sesuai dengan perkembangan kognitif, pengalaman dan minat mereka.

2. REFLEKSI PEMBELAJARAN KENDIRI

Amalan Sebagai Guru Pendidikan Islam

Pelajaran Jawi adalah salah satu bidang ilmu hasil pengorganisasian pengetahuan, kemahiran dan nilai yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang juga merupakan komponen penting terkandung dalam sistem pendidikan kebangsaan dan menjadi mata pelajaran teras dalam Kurikulum Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Oleh itu, saya merasakan bahawa sebagai guru Pendidikan Islam saya mempunyai peranan yang amat penting dalam usaha untuk menghasilkan pelajar yang celik Jawi kerana keupayaan menguasai tulisan Jawi amat mempengaruhi kefahaman dan penguasaan mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (Che Siah, 2007). Hal ini menunjukkan bahawa tanpa kebolehan membaca dan menulis Jawi, pelajar tidak akan mampu menguasai isi pelajaran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dengan baik. Justeru itu, aplikasi bahan bantu mengajar seperti “*Combo Hamzah*” di dalam sesi PdP diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu guru Pendidikan Islam untuk meningkatkan kemahiran murid dalam bidang Jawi. Bukan itu sahaja, guru Pendidikan Islam hendaklah menitikberatkan amalan pengajaran yang berkesan dan menepati hala tuju sistem pendidikan negara yang memerlukan kemampuan mereka menyesuaikan kemahiran pedagogi (Berita Harian, 2014) kerana kerana kualiti amalan pengajaran merupakan wahana paling berkesan untuk menjamin tercapainya hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam khususnya. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Amalan Sebagai Penyelidik

Sepanjang melaksanakan penyelidikan tindakan ini, saya telah berusaha untuk mengamalkan etika penyelidikan. Sebagai contoh, saya telah meminta kebenaran daripada pihak sekolah serta keizinan guru dan peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini sebelum melaksanakan kajian. Saya juga menyedari bahawa betapa pentingnya tabiat membaca selepas menjalankan kajian ini. Saya telah merujuk beberapa penyelidikan tindakan yang lepas daripada buku dan internet bagi mendapatkan gambaran dan rujukan laporan penyelidikan tindakan. Pengalaman menjalankan dua kitaran dalam penyelidikan ini memberikan pengajaran kepada saya agar tidak memandang rendah akan masalah yang dihadapi dan tidak mudah berputus asa dalam menjalankan sesuatu kajian.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Setelah melihat dan meneliti perkembangan dan kejayaan penyelidikan tindakan yang telah saya jalankan, saya berhasrat untuk meneruskan dan mengembangkan lagi penggunaan “*Combo Hamzah*” kepada kitaran yang seterusnya. Hal ini kerana pengaplikasian kaedah simbol, warna dan bermain dalam “*Combo Hamzah*” telah memberikan kesan dan impak yang positif dalam membantu murid memahami sesuatu isi pelajaran dengan mudah. Oleh itu, saya mencadangkan agar kaedah “*Combo Hamzah*” ini digunakan secara meluas bukan hanya dalam bidang Jawi malah bidang-bidang bagi Pendidikan Islam yang lain juga seperti. Penerapan unsur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) bagi menambah baik penggunaan “*Combo Hamzah*” juga boleh diwujudkan bagi meningkatkan lagi minat dan kemahiran murid untuk mempelajari sesuatu pelajaran. Hal ini kerana aplikasi TMK adalah sesuai dengan kemajuan teknologi dalam perubahan semasa yang rapat

dengan diri murid. Tuntasnya, gabungan simbol, warna dan konsep belajar sambil bermain dalam “Combo Hamzah” adalah amat sesuai dan sangat relevan untuk diaplikasikan dalam PdP di sekolah khususnya dalam kalangan murid sekolah rendah.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Berita Harian. (2014). *Kerajaan Sentiasa Berusaha Tingkatkan Prestasi Guru.* Dilayari daripada <http://www.bharian.com.my/node/11465> pada 18 Julai 2017.

Che Siah Che Man. (2007). *Pendekatan Pengajaran Jawi.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chuah K.H. (2016). *Penulisan Laporan Penyelidikan Tindakan Panduan Penyelidik.* Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Laporan Awal-Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.*

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).* Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mustapha Yazid. (1991). *Penguasaan Jawi Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Di Negeri Kelantan: Satu kajian khusus di daerah Kota Bharu.* Latihan ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Rosinah Edinin. (2012). *Penyelidikan Tindakan Kaedah dan Penulisan.* Kuala Lumpur: Freemind Horizons.

Wood, E.A. (2013). *Play, Learning And Early Childhood Curriculum.* 2013. London: Sage Publication.

Zuhaila Ismail. (2015). *Kesan Pembelajaran Yang Menyeronokkan Terhadap Kesiediaan Belajar Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah.* Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak. Fakulti Pendidikan Dan Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris.